

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
(PENDANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.06.2015

Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengecualikan GST kepada rakyat miskin yang tersenarai dalam e-kasih. Kalau tidak mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan statistik, sehingga 11 Mei 2015, jumlah keseluruhan rakyat miskin dibawah e-kasih berjumlah 187,610 Ketua Isi Rumah (KIR) yang

terdiri daripada jumlah rakyat miskin tegar dan miskin mengikut KIR adalah masing-masing seramai 59,718 dan 127,952. Bagi tahun 2012, tahap kemiskinan di Malaysia diukur berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dimana KIR dengan pendapatan bulanan isi rumah kurang daripada RM830 di Semenanjung Malaysia adalah dikategorikan sebagai golongan miskin. Semua golongan miskin layak memohon untuk menerima BR1M kerana kriteria yang diguna pakai adalah bagi KIR yang berpendapatan RM4,000 kebawah. Oleh itu, sebagai Kerajaan yang prihatin, kepentingan golongan miskin tidak pernah sekali-kali diabaikan.

Selaras dengan matlamat untuk menjaga kepentingan golongan miskin, Kerajaan telah memberi bantuan kepada rakyat secara langsung melalui BR1M dan tidak langsung dengan menyediakan layanan GST yang tidak membebankan. Jumlah bayaran BR1M telah dinaikkan dari 650 ringgit ke 950 ringgit bagi pendapatan isi rumah kurang dari 3,000 ringgit dan kenaikan, 450 ringgit ke 750 ringgit bagi keluarga yang berpendapatan di antara 3,000 ringgit hingga 4,000 ringgit. Bagi individu bujang BR1M ditingkatkan dari 300 ringgit ke 600 ringgit. BR1M adalah merupakan pakej pelengkap kepada semua program-program bantuan Kerajaan dalam membantu rakyat mengurangkan impak pelaksanaan GST.

Kerajaan yakin langkah yang diambil ini dapat membantu meringankan beban golongan berpendapatan rendah.

Selain itu, Kerajaan telah memberi layanan GST kadar sifar ke atas keperluan asas seperti beras, tepung gandum, gula pasir, garam, sayur-sayuran, binatang ternakan dan daging, ikan serta susu formula bayi sehingga 36 bulan. Selain itu, perkhidmatan tertentu seperti pengangkutan awam, pendidikan dan kesihatan juga dikecualikan daripada GST. Senarai barangan yang diberi layanan kadar sifar juga telah diperluaskan lagi ke atas barang-barang berikut:-

1. Semua jenis buah-buahan tempatan dan diimport;
2. Roti putih dan roti wholemeal;
3. Serbuk kopi dan serbuk teh;
4. Mi kuning, kue tiau, laksa dan bihun;
5. Ubat-ubatan Penting Nasional yang meliputi 4,215 jenama ubat. Ubat-ubatan ini adalah bagi kegunaan rawatan untuk 30 jenis penyakit termasuk sakit jantung, kencing manis, darah tinggi kanser dan rawatan kesuburan;
6. Semua bahan bacaan kecuali majalah dan buku yang bukan bahan bacaan; dan

7. Surat khabar.

Kerajaan juga telah menambah kadar penggunaan elektrik yang tidak dikenakan GST daripada 200 unit kepada 300 unit pertama. Ini bermakna, sebanyak 70 peratus isi rumah akan mendapat manfaat secara langsung daripada pelaksanaan langkah ini. Jualan runcit minyak petrol RON 95, diesel dan LPG juga telah diberikan pelepasan daripada GST. Melalui langkah ini, pengguna dan kumpulan sasaran yang berkenaan tidak perlu membayar GST bagi pembelian petrol RON95, diesel dan LPG.